

Pendidikan untuk semua

Peruntukan besar jamin tiada rakyat dinafikan hak bersekolah

KUALA LUMPUR: Peruntukan besar kepada sektor pendidikan dan langkah kerajaan menghapuskan yuran peperiksaan akan memperbaiki lagi akses dan ekuiti setiap pelajar bagi memastikan tiada siapa dinafikan hak mendapat pendidikan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata langkah kerajaan untuk meningkatkan bilangan sekolah rendah, sekolah menengah, biasiswa dan menghapuskan yuran peperiksaan adalah selari dengan agenda Kementerian untuk memastikan akses pendidikan terbaik kepada semua dan merealisasikan misi nasional.

"Kementerian Pelajaran mendapat tambahan peruntukan keseluruhan

melebihi RM3 bilion berbanding tahun lalu.

"Saya berterima kasih dari berjanji apa yang diperuntukkan itu akan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan dan tumpuan sekarang adalah untuk memperbaiki kaedah penyampaian dan melaksanakan apa yang dirancang," katanya.

Hishammuddin berkata, kerajaan mengumumkan beberapa langkah untuk memartabatkan lagi profesion perguruan serta mempertingkatkan kualiti profesion berkenaan.

Kerajaan, katanya, memberi perhatian kepada bidang pendidikan khas yang mana beberapa insentif diberikan kepada guru untuk menyertai bidang berkenaan.

"Kerajaan juga mengambil pelbagai langkah untuk memartabatkan sekolah kebangsaan dan menarik lebih ramai pelajar Cina dan India ke sekolah kebangsaan.

"Antara langkah ialah keputusan untuk mengajar Bahasa Cina sebagai mata pelajaran penuh di 150 sekolah kebangsaan, manakala bahasa Tamil di 70 sekolah kebangsaan," katanya.

Ditanya mengenai pemansuhan yuran peperiksaan, beliau berkata, Kementerian belum dapat memutuskan berapa jumlahnya tetapi yang penting ialah kesediaan kerajaan untuk mengurangkan beban semua pihak berkaitan.

"Langkah itu bukan saja mengurangkan beban ibu bapa, tetapi juga

meringankan beban birokrasi yang ditanggung guru untuk memproses yuran pelajar," katanya.

Hishammuddin juga menyifatkan jaminan kerajaan bahawa pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat 10A1 atau setaraf dengannya akan mendapat biasiswa hingga ke peringkat ijazah sebagai insentif yang amat berkesan bagi mencetuskan keazaman pelajar untuk cemerlang dalam pendidikan.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata dalam bajet tahun depan, kerajaan memberi perhatian dan penekanan untuk meningkatkan kualiti sektor pendidikan dan pengajian tinggi.

Katanya, kerajaan memberi penekanan besar kepada masalah pengangguran di kalangan siswazah, termasuk memperkenalkan beberapa program termasuk program khas pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).

"Dengan pendekatan sebegini, kita yakin masalah pengangguran akan dikurangkan terutama dengan kerjasama syarikat antarabangsa.

"Selain itu, syarikat di bawah pengawasan Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan diberikan insentif cukai untuk ambil siswazah menganggur. Sebelum ini tidak banyak syarikat yang mendapat manfaat itu dan kini lebih banyak yang mendapat faedah itu," katanya.